

PSM, UPM jalin kerjasama pelbagai bidang penyelidikan

PSM dan UPM baru-baru ini menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, perkongsian kepakaran dan latihan merangkumi aspek pertanian, reka bentuk, perhutanan dan hortikultur yang bakal diterokai serta memberi manfaat.

Ketua Pegawai Eksekutif PSM, **Azman Fahmi Osman** berkata, kerjasama strategik antara universiti dan agensi luar seperti PSM merupakan amalan yang banyak dilakukan oleh universiti di luar negara dalam mereka bentuk kemudahan sukan

terancang dan sebagainya.

Tambahnya, PSM memilih untuk bekerjasama dengan UPM selepas mengambil kira latar belakang universiti berkenaan yang merupakan sebuah universiti tertua dalam bidang pertanian yang diperakui kredibiliti dan kepakaran dalam bidang pertanian serta hortikultur.

"Ini merupakan salah satu langkah bagi memastikan rumput, landskap dan perkara yang berkaitan hortikultur sentiasa dalam keadaan baik setaraf kemudahan antarabangsa

yang disediakan di Kuala Lumpur Sport City.

"Usaha sama ini juga membolehkan kajian dibuat untuk meningkatkan kualiti, ketahanan dan pemulihan bagi rumput di Stadium Nasional Bukit Jalil. Selain itu, PSM juga akan dijadikan lokasi untuk kajian akademik dan penempatan latihan industri untuk pelajar UPM," jelasnya.

Kerjasama itu dilihat membolehkan perkongsian kepakaran bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan antara PSM dan UPM selain memantap dan

memartabatkan pengurusan kemudahan sukan PSM.

Pada peringkat permulaan, kerjasama akan berjalan untuk tempoh lima tahun.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, kerjasama yang dijalankan antara dua organisasi itu merupakan penggalak dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama yang sedia terjalin sejak 10 tahun lalu.

Katanya, bidang teknologi inovasi dilihat mampu menyumbang kepakaran yang diperlukan negara, justeru

mendorong UPM untuk terus komited memastikan kepakaran mereka dapat dikongsi bersama dengan berkesan serta memberi impak positif dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri.

"Sebelum ini pakar-pakar UPM terlibat dalam memberi khidmat nasihat kepada PSM berkaitan kaedah mengendalikan rumput. Jika dilihat rumput di tengah padang itu merupakan hasil perbincangan bersama selepas beberapa penyelidikan dan kajian dibuat.

"Pencapaian di stadium ini berbeza dan memerlukan spesies rumput yang sesuai dengan keadaan dan pakar kami telah menjumpai jenis rumput yang sesuai untuk keperluan pelbagai jenis sukan di stadium," jelasnya.

Dalam pada itu, UPM akan terus menjalin kerjasama dengan pihak PSM dari segi pendidikan, pembelajaran kepada membolehkan pelajar menjalani latihan industri serta menjadi sukarela dalam sebaran aktiviti yang di adakan di stadium berkenaan.